



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**[THE CRITERIA OF HADITH MAWDU' IN THE BOOK OF SILSILAH
AL-AHADITH AL-DA'IFAH WA AL-MAWDU'AH BY AL-ALBANI]**

**KRITERIA HADITH MAWDU' DALAM KITAB SILSILAH AL-AHADITH
AL-DA'IFAH WA AL-MAWDU'AH OLEH AL-ALBANI**

ARWANSYAH KIRIN^{1*}

WAN AINAA MARDHIAH WAN ZAHARI¹

SHARIFAH KHADIJAH SYED ABU BAKAR¹

AHMAD SHARIFUDDIN MUSTAPHA¹

NIK KAMAL WAN MUHAMMED¹

SHAKILA AHMAD¹

¹Jabatan Pengajian Islam, Pusat Pengajian Umum dan Ko-Kurikulum,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia,
Parit Raja, 86400 Batu Pahat, Johor, Malaysia

*Corresponding author: arwansyah@uthm.edu.my

Received Date: 9 January 2022 • Accepted Date: 30 April 2022

Abstract

Imam al-Albani is a contemporary hadith scholar who has produced many great works like book of Silsilah al-Ahadith al-Da'ifah wa al-Mawdu'ah which contains hadiths da'if and mawdu'. The position of hadith in the book caused controversy among hadith scholars because the status of hadith sahih by other scholars were considered da'if by al-Albani and hadiths that did not reach the martabat mawdu' were considered as mawdu' by him and vice versa. So that, many hadith scholars evaluate al-Albani as a scholar who easily devised new methods of hadith. Therefore, this study aims to look at the criteria used by al-Albani in falsifying a hadith in his book. The methodology of this study is qualitative through the method of content analysis focusing on the book of Silsilah al-Ahadith al-Da'ifah wa al-Mawdu'ah. This study finds that the criteria of hadith mawdu' by al-Albani in the book of Silsilah uses the approach of criticizing sanad and matan; with the criteria of sanad which are (1) the confession of the narrator of the hadith, (2) the existence of qarinah which is almost the same as the confession, (3) the narrator is known as a liar among the scholars, (4) the hadith is narrated mawquf and (5) the narrator is majhul. While in the matan criteria are (1) weakness in the pronunciation (sound) of the hadith text, (2) the strange meaning of the hadith, (3) contrary to the dalil syar'i, and the mind, (4) related to the priority of the mind, (5) contains abominations, isra'iliyyat and bid'ah, (6) not found in the main hadith book and (7) exaggerates the reward or punishment for light deeds. This study found that al-Albani did not make an innovation in the criteria of hadith mawdu' except for a few criteria but in practice it makes a difference with others.

Keywords: *Hadith Mawdu', al-Albani, Kitab Silsilah al-Ahadith wa al-Mawdu'ah, hadith criterias*

Abstrak

Imam al-Albani merupakan ulama hadith kontemporari yang banyak melahirkan karya-karya agung yang menarik seperti *kitab Silsilah al-Ahadith al-Da'ifah wa al-Mawdu'ah* yang mengandungi hadith-hadith *da'if* dan *mawdu'*. Kedudukan hukum hadith dalam *kitab* tersebut menimbulkan kontroversi dalam kalangan ulama hadith kerana hadith-hadith yang dihukumkan *sahih* oleh ulama lain dianggap *da'if* oleh al-Albani dan hadith-hadith yang tidak sampai ke *darjat mawdu'* dihukumkan *mawdu'* oleh beliau begitu juga sebaliknya sehingga ramai ulama hadith menilai al-Albani sebagai ulama yang mudah membuat kaedah baru dalam ilmu hadith. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk melihat kriteria yang digunakan oleh al-Albani dalam memalsukan sesebuah hadith dalam kitabnya. Metodologi kajian ini adalah berbentuk kualitatif melalui kaedah analisis kandungan *kitab Silsilah al-Ahadith al-Da'ifah wa al-Mawdu'ah*. Kajian ini mendapati bahawa kriteria hadith *mawdu'* oleh al-Albani dalam *kitab Silsilah* menggunakan pendekatan mengkritik *sanad* dan *matan*; dengan kriteria *sanad* iaitu (1) pengakuan pemalsu hadith, (2) wujud *qarinah* yang hampir sama dengan pengakuan, (3) perawi terkenal sebagai pendusta dalam kalangan ulama, (4) hadith diriwayatkan secara *mawquf* dan (5) perawi *majhul*. Manakala dalam kriteria *matan* adalah (1) kelemahan pada lafaz (bunyi) teks hadith, (2) makna hadith yang pelik, (3) bertentangan dengan *dalil syar'i*, dan akal fikiran, (4) berkaitan dengan keutamaan akal, (5) mengandungi kekejian, *isra'iliyyat* dan *bid'ah*, (6) tidak terdapat dalam kitab hadith induk dan (7) melebihi pahala atau seksa terhadap amalan yang ringan. Kajian ini mendapati bahawa al-Albani tidak melakukan suatu pembaharuan dalam kriteria hadith *mawdu'* melainkan beberapa kriteria sahaja namun dalam secara praktiknya menimbulkan perbezaan dengan yang lain.

Kata kunci: Hadith *Mawdu'*, al-Albani, *Kitab Silsilah al-Ahadith wa al-Mawdu'ah*, Kriteria hadith

Cite as: Arwansyah Kirin, Wan Ainaa Mardhiah Wan Zahari, Sharifah Khadijah Syed Abu Bakar, Ahmad Sharifuddin Mustapha, Nik Kamal Wan Muhammed & Shakila Ahmad. 2022. [The criteria of hadith *mawdu'* in the book of *Silsilah al-Ahadith al-Da'ifah wa al-Mawdu'ah* by al-Albani] Kriteria hadith *mawdu'* dalam kitab *Silsilah al-Ahadith al-Da'ifah wa al-Mawdu'ah* oleh al-Albani. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 23(1): 76-94.

PENGENALAN

Hadith merupakan sumber hukum kedua setelah al-Qur'an (Umar Hasyim, t.th) yang berfungsi sebagai penjelas, penguat dan pentafsir terhadap isi kandungan al-Qur'an (Muhammad Ajjaj al-Khatib, 1989 & Akram Diya' al-Umari, 1994). Ianya merupakan perkataan, perbuatan dan pengakuan Nabi SAW yang dapat dijadikan *hujjah* terhadap hukum syariat (Muhammad Ajjaj al-Khatib, 1989). Hadith-hadith yang disandarkan kepada Nabi SAW tidak semuanya berstatus *maqbul* (diterima) tetapi ada juga yang *mardud* (ditolak) seperti hadith *mawdu'* (Andri Nirwana, 2016). Hadith *mawdu'* adalah kedustaan yang dibuat-buat, direka dan disandarkan kepada Nabi SAW secara sengaja atau tidak (Abd al-Mannan al-Rasikh, 2004 & al-'Iraqi, 1993). Definisi ini telah diberikan oleh para ulama hadith seperti Ibn Salah (al-'Iraqi, 1993), Ibn Jamaah (1990), Ibn Kathir (1989), al-Sakhawi (1995), al-Suyuti (2002), Imam al-Zhahabi (1412) dan Ibn Hajar (1993). Hadith *mawdu'* semakin berkembang dengan adanya tambahan teks hadith, direka-reka kemudian disandarkan kepada baginda Nabi SAW (al-San'ani, t.th) secara palsu sama ada disengajakan atau tidak (Mahmud Ibn Rayyat, t.th). Kepalsuan sesebuah hadith menunjukkan bahawa perbuatan seseorang perawi sengaja melakukannya atau tanpa sengaja tetap dianggap sebagai hadith palsu jika memenuhi syarat-syarat kepalsuan. Hal ini jelas diungkap oleh Umar

Ibn Hasan Uthman Fallatah (1981) dalam kitabnya *al-Wad'u fi al-Hadith*. Pendapat yang sama juga diungkapkan oleh Abu Bakar Abd al-Samad Abid (1971), Akram Diya al-Umari (1994) dan Ibn Taymiyyah. al-Muallimi dan Azami (1992) mengatakan bahawa hadith *mawdu'* dibuat secara sengaja sedangkan yang tidak sengaja disebut *batil*. Perkembangan hadith *mawdu'* telah *bermula* semenjak zaman para sahabat lagi. Ibn Sirin menjelaskan bahawa umat Islam terdahulu jika mendengar sabda Nabi SAW akan berdiri bulu roma, namun setelah terjadi fitnah terhadap hadith Nabi SAW, mereka mula mempersoalkan sumber hadith tersebut (al-Zhahabi, 1413 & Ibn Hajar al-Asqalani, 1984). Ibn Sirin juga menambah bahawa semenjak terbunuhnya Uthman bin Affan, terjadilah pemalsuan hadith yang dilakukan oleh para penyebar *bid'ah* (Ali Mustafa Ya'qub, 2004). Munculnya para pelaku *bid'ah* dan pengingkar sunnah menjadi bukti penolakan hadith terhadap Nabi SAW dan merebaknya hadith-hadith *mawdu'* mengakibatkan ramai umat Islam terpesong daripada jalan yang benar kerana mereka telah melakukan kejahatan terhadap agama dan dusta terhadap Nabi SAW (Muhammad Ajjaj al-Khatib, 1989) yang akhirnya menimbulkan kehancuran (Mustafa al-Siba'i, 1985). Untuk mengatasinya, maka para ulama hadith melakukan pelbagai usaha dalam mengkritik *sanad* dan *matan* dengan melahirkan pelbagai karya-karya hadith berkaitan hadith *mawdu'* dan menjelaskan kualiti hadith seperti *al-Mawdu'at Min Ahadith al-Marfu'at* oleh Abu Abd Allah al-Husein al-Jawzaqa, *Tadhkirat al-Mawdu'at* oleh al-Maqdisi, *al-Mawdu'at* oleh Ibn al-Jauzi, *al-Fawa'id al-Majmu'at fi al-Ahadith al-Mawdu'at* oleh Muhammad bin Yusuf al-Dimsyaqi, *al-La'ali al-Masnu'ah fi al-Ahadith al-Mawdu'at* oleh al-Suyuti, *Tanzih al-Syari'ah al-Marfu'ah an al-Ahadith al-Syani'ah al-Mawdu'at* oleh Ibn Arraq al-Kinani, *al-Fawaw'id al-Majmu'ah fi al-Ahadith al-Mawdu'at* oleh al-Syaukani (Abd al-Fattah Abu Ghuddah, 1984). Selain karya-karya di atas, terdapat karya agung berkaitan hadith *mawdu'* iaitu *Silsilah al-Ahadith Da'ifah wa al-Mawdu'ah* oleh al-Albani.

al-Albani adalah Muhammad Nashiruddin bin Nuh bin Adam al-Najati, namun lebih dikenali sebagai al-Albani yang dinisbahkan kepada negeri kelahirannya. al-Albani dilahirkan pada tahun 1914M di kota Askodera (Mubarak, 2002 & Muhammad Id al-Abbasi, 2002). Ayah beliau bernama Haji Nuh merupakan salah seorang ulama besar di Albania yang sehariannya bekerja sebagai tukang jam untuk menyara keluarganya dan beliau juga seorang ahli fekah bermazhab Hanafi (Mubarak, 2002). Semasa pemerintahan Raja Ahmad Zagho, Haji Nuh membawa keluarganya berhijrah ke Damsyik dan al-Albani mula belajar Bahasa Arab di sekolah yang dibina oleh *Jam'iyyah al-Is'af al-Khayriyyah* sehingga tamat sekolah rendah. Ketika remaja, beliau belajar daripada ayahnya dan juga Said al-Burhani tentang kitab-kitab feqah mazhab Hanafi dan juga *Qira'at al-Hafs* (Abd al-Basit, 2000). al-Albani meninggal dunia di Jordan pada 2 Oktober 1999 M pada usia 88 tahun. Di antara karyanya yang terkenal ialah kitab *Silsilah al-Ahadith al-Da'ifah wa al-Mawdu'ah*. Kitab ini merupakan kitab hadith yang mengandungi hadith-hadith *da'if* dan *mawdu'* yang disusun oleh al-Albani daripada beberapa kitab hadith yang memiliki permasalahan yang berbeza (al-Albani, 2000). Kitab ini pertama kali dicetak oleh *Maktabah al-Ma'arif* pada tahun 1992M di Riyadh yang terdiri daripada 11 jilid dan terdapat 5500 hadith *da'if* dan *mawdu'*. Pada setiap jilid terdapat 500 hadith yang dicetak secara bertahap (al-Albani, 2000). Kitab ini disusun oleh al-Albani kerana keprihatinannya kepada umat Islam yang banyak menerima hadith *mawdu'* melalui penceramah, artikel-artikel di media masa bahkan karya ilmiah (al-Albani, 2000). Selain itu, adanya dorongan para ulama, da'i, dan mahasiswa agar beliau menyebarkan ilmu

agama melalui kitab *Silsiah al-Ahadith al-Da'ifah wa al-Mawdu'ah* ini serta memudahkan para penuntut ilmu dalam pencarian hadith-hadith *da'if* dan *mawdu'* (al-Albani, 2000).

Hadith-hadith yang terdapat dalam kitab *Silsilah al-Ahadith al-Da'ifah wa al-Mawdu'ah* bukan diperoleh secara periwayatan seperti yang dilakukan oleh ulama terdahulu seperti Imam al-Bukhari, Muslim, Abu Daud dan yang lain, namun beliau menghimpunkan hadith-hadith *da'if* dan *mawdu'* dengan cara memilih kitab-kitab hadith terpilih kemudian diteliti semula lalu ditulis dalam sebuah kitab yang dikenali sebagai kitab *Silsilah al-Ahadith al-Da'ifah wa al-Mawdu'ah* (al-Albani, 2000). al-Albani tidak bertaqlid kepada sesiapa dalam menentukan kualiti sesebuah hadith sama ada *da'if* atau *mawdu'*, beliau hanya berpegang kepada kaedah atau kriteria ilmiah yang ditetapkan oleh pakar hadith dalam menilai hadith tersebut (al-Albani, 2000) seperti Ibn Jauzi, Ibn Salah, al-Dhahabi, Ibn Hajar dan yang lain. Namun, dalam pengaplikasian metode dan cara, al-Albani bertentangan dengan ulama hadith lain. Analisis penulis mendapati beberapa hadith yang tidak *da'if* turut dimasukkan dalam kitab tersebut. Terdapat hadith-hadith yang *didafkan* oleh ulama lain namun al-Albani menghukumkannya *mawdu'* dan sebagainya. Hal ini menunjukkan tajuk kitab *Silsilah al-Ahadith al-Da'ifah wa al-Mawdu'ah* bertentangan dengan isi kandungannya dan akhirnya memberi kesan kepada pandangan ulama-ulama lain yang sezaman dengannya. Umpamanya al-Ghumari, Abu Ghuddah dan al-Habsi menilai al-Albani sebagai ulama yang tidak profesional dalam membuat kaedah atau kriteria baru (Ali Mustafa Ya'qub, 2003). Pada sisi yang lain, Ali Mustafa Ya'qub (2003) berkata bahawa pemikiran dan idea al-Albani berlawanan dengan arus gelombang ulama hadith sezamannya sehingga hampir 17 karya yang mengulas idea dan pemikiran al-Albani. Namun terdapat juga pujian terhadap beliau seperti Shaykh Muhammad al-Uthmani, Shaykh Muhammad al-Siqrihi, Shaykh Abd al-Aziz bin Baz dan Raja Faisal yang menganggap al-Albani sebagai *mujaddid* dan rujukan dalam bidang hadith (Mubarak, 2002). Terdapat pertentangan terhadap penilaian ulama kepada beliau berpunca pada sikapnya dalam menilai sesebuah hadith. Walaupun begitu, sudah tentu ada pertimbangan tersendiri daripada al-Albani dalam menggunakan kriteria semasa menilai sesebuah hadith dalam kitabnya. Oleh itu, kajian ini ingin merungkai susur galur kriteria yang digunakan oleh al-Albani dalam menentukan kualiti sesebuah hadith dalam kitab *Silsilah al-Ahadith al-Da'ifah wa al-Mawdu'ah*.

KAJIAN LITERATUR

Terdapat beberapa kajian lain berkenaan hadith *mawdu'* dan kriterianya seperti penulisan oleh Rabiatul Aslamiah (2016) bertajuk 'Hadis *Mawdu* dan Akibatnya'. Artikel tersebut memaparkan sejarah munculnya hadith *mawdu'*, faktor muncul, ciri-ciri dan hukum meriwayatkan hadith. Selain itu, artikel jurnal yang ditulis oleh Mukhlis Mukhtar (2017) bertajuk 'Hadis *Maudhu* dan Permasalahannya' juga menceritakan tentang faktor kemunculan hadith *mawdu'* dan ciri-ciri yang terkandung dalam hadith *mawdu'*. Terdapat juga artikel jurnal berkaitan kitab *al-Ahadith al-Daifah wa al-Mawduah* karya *Nashir al-Din al-Albani* yang ditulis oleh Sitti Asiqah Usman Ali (2019). Beliau memaparkan tentang biografi penulis, metode penulisan kitab serta kelebihan dan kekurangan kitab. Selain itu tesis yang ditulis oleh Muhammad Yahya (2015) yang bertajuk 'Kriteria Pentajrihan Periwayat Hadis Syaikh Muhammad Nasiruddin al-Albani dalam *Kitab Silsilah al-Ahadis al-Da'ifah wa al-Mawdu'ah*

wa Asaruha al-Sayyi' fi al-Ummah juga ada menceritakan tentang perkara ini. Kajian beliau memfokuskan kriteria pentajrihan periwayat hadith yang digunakan oleh Imam al-Albani. Ada juga artikel yang ditulis oleh Muhammad Khudori (2017) bertajuk 'Kritik Terhadap Pemikiran al-Albani tentang Kehujjahan Hadis *Da'if*' yang menerangkan tentang biografi Imam al-Albani, konsep kualiti hadith menurut al-Albani, pandangan Imam al-Albani tentang penyebaran hadith *da'if* dan *mawdu'* serta kehujjahan hadith *da'if*. Kajian-kajian sebelum ini berbeza dengan apa yang penulis ingin hasilkan iaitu penjelasan susur galur kriteria kedudukan hadith *mawdu'* menurut al-Albani dalam kitab *Silsilah*.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Analisis kandungan hasil karya al-Albani terutamanya berkaitan kriteria hadith *mawdu'* dalam kitab *Silsilah al-Ahadith al-Da'ifah wa al-Mawdu'ah* dilakukan dalam kajian ini. Sumber primer kajian ini adalah kitab *Silsilah al-Ahadith al-Da'ifah wa al-Mawdu'ah* hasil penulisan Imam al-Albani. Manakala sumber sekunder pula ialah merujuk kepada buku-buku, jurnal, majalah, makalah-makalah serta sumber lain yang berkaitan. Selain itu, kajian ini hanya memfokuskan kepada kriteria hadith *mawdu'* menurut Imam al-Albani dalam kitab *Silsilah al-Ahadith al-Da'ifah wa al-Mawdu'ah*.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian daripada kitab *Silsilah al-Ahadith al-Da'ifah wa al-Mawdu'ah* oleh al-Albani diringkaskan seperti jadual berikut:

Jadual 1: Kriteria Hadith *Mawdu'* dalam kitab *Silsilah al-Ahadith al-Da'ifah wa al-Mawdu'ah*

Aspek	
Sanad	Matan
Pengakuan pemalsu hadith	Kelemahan pada lafaz (bunyi) teks hadith
Wujud <i>qarinah</i> yang hampir sama dengan pengakuan	Makna hadith yang pelik
Perawi terkenal sebagai pendusta dalam kalangan ulama	Bertentangan dengan <i>dalil syar'i</i> , realiti dan akal fikiran
Hadith diriwayatkan secara <i>mawquf</i>	Berkaitan dengan keutamaan akal
Perawi <i>majhul</i>	Mengandungi kekejian, <i>isra'iliyyat</i> dan <i>bid'ah</i>
	Tidak terdapat dalam kitab hadith induk
	Melebihi pahala atau seksa terhadap amalan yang ringan

Kriteria yang diungkapkan oleh al-Albani tidak jauh berbeza dengan para ulama yang lain dalam menyusun hadith *sahih*, namun beliau lebih mengutamakan kritik *sanad* berbanding kritik *matan*, bahkan boleh jadi dilakukan secara bersamaan (al-Albani, 2002). Begitu juga

dalam menyusun hadith-hadith *mawdu'*, beliau memiliki kriteria tersendiri sama ada secara teori atau pengaplikasiannya seperti mana yang dijelaskan di bawah ini:

Kriteria *Sanad*

Sanad atau *tariq* ialah rangkaian riwayat yang menghubungkan *matan* hadith kepada Nabi SAW (Muhammad Ajjaj al-Khatib, 1989). *Sanad* adalah suatu keistimewaan umat Islam yang tiada pada umat-umat terdahulu. Prihatin terhadap *sanad* dalam menyampaikan berita (hadith) adalah sunnah yang amat dituntut dan merupakan suatu syiar umat ini. Oleh itu, setiap Muslim wajib bersandar kepada *sanad* dalam menyampaikan dan menulis hadith. Perletakkan *sanad* dalam penulisan dan pengkajian hadith pada amnya bukan hanya untuk mengesahkan kedudukan hadith sahaja tetapi ianya juga berfungsi sebagai nilai spiritual (Muna, A.C, 2016). Oleh itu, penulisan *sanad* dalam sesebuah hadith akan memudahkan untuk mengesan status hadith tersebut sama ada *marfu'*, *mawquf* atau *maqtu'*, atau ianya hadith *sahih*, *da'if* atau *mawdu'*. Jika ianya tidak ditulis, maka akan sukar untuk memastikan kesahihan dan *keda'ifan* sesebuah hadith tersebut (Faizuri Abd Latif & Ahmad Faisal, 2009). Ibn al-Mubarak pernah mengatakan bahawa *sanad* adalah sebahagian (syiar) agama, jika tidak kerana adanya *sanad*, nescaya orang akan berkata apa saja yang mereka mahu dan yang memisahkan antara kami dengan golongan yang tidak dapat dipercayai riwayatnya adalah *sanad* (Muslim, 1955). al-Thawri juga pernah berkata bahawa *sanad* adalah senjata orang mukmin, jika pada diri orang mukmin tiada senjata maka dengan apa dia akan menghadapi peperangan (Nur al-Din al-'Itr, 1979). al-Awza'i mengatakan bahawa hilangnya pengetahuan hadith tidak akan terjadi kecuali jika *sanad* hadithnya hilang (Nur al-Din al-'Itr, 1979). Begitu pentingnya *sanad* dalam menyampaikan hadith dan penulisan hadith.

Kepentingan *sanad* dan nilainya amat penting kepada para pengkaji *rijal* sesebuah hadith. Kepentingannya adalah seiring dengan kepentingan mengetahui bersambungannya *sanad* atau terputusnya sesebuah hadith itu. Jika tidak, sukar atau mustahil untuk membezakan antara hadith yang *sahih* dan hadith yang palsu dan akan berani para pendusta untuk mereka-reka hadith (Mahmud al-Tahhan, 1996). Kriteria *sanad* yang terdapat dalam hadith *sahih*, *hasan* dan *da'if* difokuskan kepada kualiti intelektual para perawi hadith, berbeza dengan hadith *mawdu'* yang lebih memfokuskan kepada kapasiti dan kualiti peribadi perawi tersebut. Hal ini kerana kualiti intelektual perawi hadith tidak akan berpengaruh ketika seorang perawi dinilai sebagai pemalsu hadith. Pemalsuan hadith dari segi *sanad* menurut Uthman Fallatah ada tiga bentuk iaitu:

1. Terjadinya pencurian *sanad* iaitu seorang perawi sengaja mencuri satu atau lebih riwayat hadith daripada gurunya sama ada secara langsung atau tidak atau ia juga mencuri hadith dengan mengambil *sanad* perawi lain yang lebih *thiqqah* kemudian disandarkan kepada riwayatnya untuk dijadikan sebagai *mutabi'* dalam memperkuat hadith (Umar Ibn Hasan Uthman al-Fallatah, 1981).
2. Dilakukan dengan memutarbalikkan *sanad* iaitu dengan mendahulukan atau mengakhirkan nama perawi dan mengubah keseluruhan *sanad* atau sebahagian sahaja. Amnya pelaku mengganti perawi yang masyhur dengan perawi lain yang satu *tabaqat* atau boleh juga menisbatkan perawi yang kuat pada *matan* yang palsu (Umar Ibn Hasan

- Uthman al-Fallatah, 1981). Hal ini dapat dikatakan palsu jika dilakukan secara sengaja.
3. Penyusunan *sanad* lebih umum kerana dapat mencakupi pembuatan *sanad*, pencurian *sanad*, penyamaan *sanad* dan penyambungan *sanad* yang terputus (Umar Ibn Hasan Uthman al-Fallatah, 1981).

Oleh itu, terdapat beberapa kriteria *sanad* yang dianggap *mawdu'* menurut al-Albani dalam kitabnya:

1. Pengakuan Pemalsu Hadith

Sesebuah hadith akan dikenali hukumnya sebagai *mawdu'* jika adanya pengakuan daripada pembuat hadith tersebut. Misalnya ketika Maisarah Ibn Abd al-Rabih al-Farisi mengaku bahawa dia telah membuat hadith *mawdu'* tentang keutamaan al-Qur'an dan dia juga mengaku membuat hadith *mawdu'* tentang keutamaan Ali bin Abi Talib sebanyak 70 buah hadith (Mustafa Zahri, 1981). Begitu juga yang diakui oleh Abu Ismah bin Abu Maryam ketika beliau ditanya dari mana kamu dapatkan hadith yang disandarkan kepada Ikrimah, sedang dia tidak pernah meriwayatkan hadith sebegitu? Beliau menjawab: ada gejala umat lebih menekuni fiqh Abu Hanifah dan *Maghazi* (kisah-kisah perang) susunan Muhammad bin Ishak daripada al-Quran, maka saya buat hadith untuk menghalangi gejala itu (Nuruddin 'Itr, 1994). Contoh-contoh pengakuan pemalsu hadith seperti di atas dapat dilihat dalam kitab *Silsilah al-Ahadith al-Da'ifah* yang dijadikan oleh al-Albani sebagai kriteria pertama palsunya sesebuah hadith. Misalnya pengakuan Muhammad bin al-Sa'ib al-Kalbi dalam hadith berikut ini:

كذب النسابون، قال الله تعالى: وقرونا بين ذلك كثيرا....أجرجه ابن سعد في الطبقات، قال
أخبرنا هشام قال: أخبرني أبي عن أبي صالح عن ابن عباس مرفوعا بتمامه. قلت: وهشام هذا
ابن محمد بن السائب الكلب النسابة المفسر، وهو متروك كما قال الدار قطني وغيره. ووالده محمد
بن السائب شر منه: قال الجوزجاني وغيره "كذاب" وقد اعترف هو نفسه بأنه يكذب...

Maksudnya: Telah berdusta para penghurai nasab, Allah SWT berfirman: Banyak lagi generasi di antara kaum tersebut....diriwayatkan oleh Ibn Saad dalam *tabaqat*nya, beliau berkata daripada Hisyam daripada ayahnya daripada Abu Salih daripada Ibn Abbas secara *marfu'*: Menurutku Hisyam adalah anak kepada Muhammad bin al-Sa'ib al-Kalbi seorang tukang ramal yang dinilai *matruk* oleh Dar al-Qutni dan ulama hadith lainnya. Begitu juga dengan ayahnya Muhammad bin al-Sa'ib telah mengakui dirinya sebagai pendusta (al-Albani, 2000).

Pengakuan pemalsu hadith sebagai indikasi palsunya sesebuah hadith dalam *kitab Silsilah* tidak banyak ditemui, penilaian yang dilakukan oleh al-Albani majoritinya diambil berdasarkan pengakuan pemalsu secara umum iaitu bahawa perawi pernah membuat hadith palsu dan identiti dirinya yang cacat kerana dinilai pendusta (al-Albani, 2000). Kriteria pengakuan pemalsu hadith ini juga dijadikan sebagai kriteria palsunya sesebuah hadith oleh

ulama hadith lain seperti Ibn Jauzi (1995), Ibn Salah (1989), al-Zahabi (1412), Ibn Kathir (1989), Ibn Hajar (1993) al-Suyuti (2002), Muhammad Ajjaj al-Khatib (1989), Subhi al-Shalih (1988) dan Mustafa al-Siba'i (1985). Majoriti ulama hadith menggunakan redaksi yang sama dalam menentukan kriteria hadith *mawdu'* iaitu perawi yang mengaku memalsukan hadith. Mereka juga sepakat bahawa pengakuan pemalsu hadith merupakan tanda yang paling kuat dalam menentukan *mawdu'*nya sesebuah hadith (Umar Ibn Hasan Uthman al-Fallatah, 1981).

2. Adanya Qarinah yang Hampir Sama dengan Pengakuan

Penyerupaan pengakuan ini bermaksud seorang perawi meriwayatkan hadith daripada seorang guru sedangkan dia tidak pernah bertemu dengan guru atau dia lahir setelah guru meninggal lalu dia menggunakan redaksi yang menunjukkan seolah-olah mendengar secara langsung daripada guru (Muhammad Ajjaj al-Khatib, 1989). Ada dua isyarat lain yang ditambah oleh Uthman Fallatah dalam menentukan kriteria *qarinah* ini iaitu pengakuan pemalsu hadith yang menyatakan bahawa dia berbohong semasa meriwayatkan hadith dengan menggunakan lafaz *sima'* daripada guru dan lafaz yang mengarah kepada pertemuan dia dengan guru, namun ketika ditanya mengenai *ihwal* (keadaan) guru perawi tersebut, maka tidak dapat mengetahuinya (Umar Ibn Hasan Uthman al-Fallatah, 1981). Terdapat contoh kes dalam *kitab Silsilah* berdasarkan kriteria kedua ini iaitu kes Ya'qub bin Muhammad meriwayatkan hadith daripada Hisyam bin Urwah, dikatakan bahawa Ya'qub pernah berjumpa dengan Hisyam sedangkan ketika Hisyam meninggal Ya'qub belum lahir.

(من لم يكن عنده صدقة فليلعن اليهود). موضوع، يعقوب بن محمد حدث عن هشام بن عروة عن ابيه عن عائشة مرفوعا به. فقد قال الذهبي في ترجمة يعقوب: وأخطأ من قال: إنه روي عن هشام بن عروة، لم يلحقه، ولا كأنه ولد الا بعد موت هشام

Maksudnya: Sesiapa yang tidak memiliki sesuatu untuk disedekahkan hendaklah melaknat orang-orang Yahudi. Hadith ini dihukum *mawdu'* oleh al-Albani kerana diriwayatkan oleh Ya'qub bin Muhammad daripada Hisyam bin Urwah daripada ayahnya daripada Aisyah secara *marfu'*. Imam Zahabi berkata tentang Ya'qub ini: 'salah besar jika mengatakan bahawa Ya'qub ini meriwayatkan hadith daripada Hisyam bin Urwah sedangkan dia lahir setelah meninggalnya Hisyam (al-Albani, 2000).

Kriteria yang kedua ini juga diguna pakai oleh ulama-ulama lain dalam kitab mereka seperti Ibn Jauzi (1995) dalam *kitab al-Mawdu'at*, Ibn Salah (1989) dalam *Muqaddimah Ibn Salah*, al-Zahabi (1412) dalam *al-Muqzah fi Ilmi al-Mustalah* dan yang lain. Walaupun lafaz berbeza namun maksud dan tujuannya sama. Uthman Fallatah (1981) mengatakan bahawa kriteria kedua ini iaitu pengakuan pemalsu hadith yang mengatakan dia meriwayatkan hadith secara langsung daripada guru, setelah diteliti ternyata dia berdusta, maka jelas sungguh kedustaan si perawi tersebut.

3. Perawi Terkenal sebagai Pendusta dalam kalangan Ulama

al-Albani menghukumkan hadith sebagai *mawdu'* dalam kitab *Silsilah* disebabkan perawi tersebut adalah seorang pendusta dan pemalsu hadith. Hal ini juga dilakukan oleh ulama hadith seperti Ibn Hajar (1993), Muhammad Ajjaj al-Khatib (1989), Subhi al-Shalih (1988) dan Mustafa al-Siba'i (1985) yang mana mereka menjadikan kriteria ini sebagai tanda palsunya sesebuah hadith. Contohnya adalah seperti berikut:

رب عابد جاهل ورب عالم فاجر فاحذروا الجهال من العباد والفجار من العلماء فإن أولئك من
الفتنة الفتنة

Maksudnya: Betapa banyak ahli ibadah yang bodoh dan orang alim yang rosak akhlaknya. Oleh itu, berhati-hatilah daripada kebodohan para ahli ibadah dan keburukan akhlak para ulama kerana mereka adalah sumber fitnah.

Hadith ini diriwayatkan secara *gharib*, al-Albani mengatakan bahawa *mawdu'*nya hadith ini kerana dibuat oleh Bisyr bin Ibrahim yang dinilai sebagai pemalsu hadith. Penilaian beliau ini disokong oleh Ibn Adi dan Ibn Hibban yang mengatakan bahawa Bisyr bin Ibrahim adalah pemalsu hadith dan riwayatnya *munkar* (al-Albani, 2000). Muhammad Ajjaj al-Khatib (1989) mengatakan bahawa seorang perawi pendusta meriwayatkan hadith seorang diri tanpa ada perawi lain yang *thiqah*, maka riwayat perawi ini dihukum *mawdu'*.

4. Hadith Diriwayatkan secara *Mawquf*

Hadith *mawquf* tidak termasuk hadith kerana hanya diriwayatkan sehingga sahabat, al-Albani menjadikan hadith *mawquf* sebagai kriteria hadith *mawdu'*. Menurut beliau, segala jenis istinbat hukum hanya boleh diambil daripada al-Qur'an dan Sunnah, selain daripada kedua ini maka tidak digalakkan. Beliau juga tidak menggunakan *Athar* sahabat sebagai sumber hukum kerana menurutnya para sahabat pernah terlibat dalam perselisihan yang memberi kesan kepada kualiti peribadi mereka (al-Albani, 2000). Namun pendapat beliau ini tidak dipersetujui oleh Mahmud Tahhan yang memetik perkataan al-Kattani dalam *al-Risalah al-Mustathrafah* mengatakan bahawa hadith *mawquf* tidak sepenuhnya dinilai *mawdu'* kerana dalam istinbat hukum *Qaul Sahabi* sentiasa digunapakai oleh para ulama. Contohnya adalah seperti berikut:

(ان البرد ليس بطعام ولا بشراب) أخرجه الطحاوى و ابو يعلى و ابن عساكر من طريق علي بن
زيد بن جدعان عن أنس: منكر، قلت: هذا سند ضعيف علي وجه علي بن زيد بن جدعان
قلت و هذا الحديث موقوف من الأدلة علي بطلان الحديث المتقدم: أصحابي كالنجوم بأيهم
اقتديتم اهتديتهم: إذ لو صح لكان الذي يأكل البرد في رمضان لا يفطر إقتداءً بأبي طلحة رضي
الله عنه وهذا مما لا يقوله مسلم اليوم فيما أعتقد.

Maksudnya: (Sesungguhnya ais (salji) tidak dianggap sebagai makanan atau minuman), hadith ini diriwayatkan oleh al-Tahawi, Abu Ya'la dan Ibn Asakir melalui Ali bin Zaid bin Jad'an daripada Anas dalam keadaan *munkar*. al-Albani mengatakan bahawa *sanad* hadith daripada Ali bin Zaid bin Jad'an adalah *da'if* dan hadith ini adalah *mawquf* dengan bukti batalnya hadith sebelumnya (Sahabatku seperti bintang...) jikalau hadith ini *sahih* maka memakan salji pada bulan Ramadan tidak akan membatalkan puasa dan hal ini bertentangan dengan keyakinan muslim (al-Albani, 2000).

5. Perawi *Majhul*

al-Albani menilai bahawa perawi *majhul* merupakan tanda yang menunjukkan kualiti hadith tersebut sebagai *mawdu'*. Sedangkan ulama lain menganggap ianya sebagai salah satu penyebab *da'if* nya sesuatu hadith seperti yang diungkapkan oleh al-Habsy. Perawi *majhul* ini terbahagi kepada dua bahagian:

1. *Jahalah al-'Ain* iaitu periwatannya yang hanya bersumber daripada seorang perawi.
2. *Jahalah al-Hal* iaitu periwatannya yang bersumber daripada seorang perawi yang tidak dikenali keadaan hidupnya.

Berbicara mengenai perawi *majhul* ini, maka para ulama berbeza pandangan, golongan pertama mengatakan bahawa perawi yang *majhul* sama ada *majhul 'Ain* ataupun *Hal* tidak diterima periwayatannya sehingga jelas kedudukan dan keadaan perawi tersebut. Golongan kedua menyatakan bahawa perawi *Majhul al-Hal* riwayatnya dapat diterima apabila ada perawi *thiqah* yang sama-sama meriwayatkan dengannya. Golongan ketiga menyatakan bahawa perawi *Majhul al-'Ain* tidak dapat diterima riwayatnya kecuali terdapat dua orang perawi *thiqah* dan *adil* yang sama-sama meriwayatkan dengannya. Apabila ada sebahagian orang mengetahui keadaan perawi sedangkan yang lain tidak dapat mengetahui maka ambillah pendapat orang yang mengetahui (Muhammad Ali Fayyad, 1991). Dar al-Qutni mengatakan bahawa *Jahalah al-Rawi* dapat dihilangkan statusnya dan ditetapkan sifat adilnya jika hadith tersebut terdapat dua orang perawi yang *thiqah* di dalamnya (al-Sakhawi, 1995). Contohnya adalah seperti berikut:

نعم المذكر السبحة و إن افضل ما يسجد عليه الأرض و ما انبتته الأرض

Maksudnya: Sebaik pengingat zikir adalah tasbeih dan ianya perkara yang afdal sehingga membuat bumi bersujud dan menumbuhkan tumbuhan.

Hadith ini dihukum *mawdu'* oleh al-Albani kerana *sanad* hadith ini tidak nampak, sebahagiannya *majhul* dan yang lain tercela. Ummu al-Hasan sebagai perawinya tidak ditemukan biodata dirinya sedangkan al-Kinanah pula dinilai *majhul* (al-Albani, 2000).

Kriteria *Matan*

al-Albani bukan hanya melihat secara *sanad* sahaja dalam menentukan kualiti hadith *mawdu'* tetapi terdapat juga kriteria-kriteria khas dari segi *matan*. Kriteria *matan* ini mengarah kepada *matan* hadith tersebut yang mengandungi kedustaan yang dinisbahkan kepada Nabi SAW sama ada dari segi perkataan yang tidak pernah diucapkan oleh Nabi atau yang dilakukan oleh baginda (Umar Ibn Hasan Uthman al-Fallatah, 1981). Syuhudi Isma'il (1992) mengatakan bahawa syarat untuk menentukan *mawdu'* atau tidaknya *matan* hadith, seorang peneliti harus memiliki keahlian dalam bidang hadith, ada pengetahuan agama Islam yang luas dan memiliki kecerdasan.

Beberapa kriteria hadith *mawdu'* dari segi *matan* menurut al-Albani adalah seperti berikut:

1. Kelemahan pada Lafaz (Bunyi) Hadith

Lafaz atau bunyi teks hadith yang lemah dapat menunjukkan kepalsuan sesebuah hadith, jauhnya dari hukum *syara'* dan buruknya kefahaman pembuatnya seperti yang dinyatakan oleh Ibn Jauzi (al-Albani, 2000). Pendapat sebegini juga disokong para ulama hadith lain seperti Ibn al-Qayyim (1988), Ibn Kathir (1989), al-Suyuti (2002), Muhammad Ajjaj al-Khatib (1989), Subhi al-Salih (1988) dan Mustafa al-Siba'i (1985) yang mana mereka sepakat bahawa lemahnya teks hadith merupakan kriteria palsu hadith tersebut seperti mana contoh berikut:

من قرأ " قل هو الله احد " مائتي مرة كتب الله الف و خمسمائة حسنة إلا ان يكون عليه دين

Maksudnya: Sesiapa yang membaca *Qul huwa Allahu Ahad* dua ratus kali, maka baginya pahala 500 kali kebaikan kecuali dia mempunyai hutang piutang.

al-Albani menilai hadith ini sebagai *mawdu'* kerana *matan* hadithnya terlalu melampau dalam pemberian pahala dan keselarian dalam pengecualian iaitu orang yang berhutang.

2. Makna Hadith yang Pelik

Matan yang pelik bermaksud lemah lafaznya dan rosak maknanya bertentangan dengan makna yang jelas daripada al-Qur'an dan hadith Sahih (al-Suyuti, 2002). Periwat yang mengaku meriwayatkan hadith dengan makna, kemudian menyampaikannya dengan susunan kalimat yang tidak selari dan bahasanya juga tidak sekata, maka tidak diragukan lagi bahawa ia merosak makna hadith dan tidak dapat diterima. Menurut Ibn Hajar al-Asqalani yang dikutip oleh Nuruddin 'Itr (1994), dikatakan bahawa keserasian dan kesesuaian makna hadith bersumber daripada kehinaan dan kekurangan, sedangkan agama Islam itu indah dalam pelbagai aspek. Dalam *kitab Silsilah* dapat dilihat contoh makna hadith yang pelik seperti di bawah ini:

إختلاف امتي رحمة. لا اصل له ولقد جهد المحدثون في ان يقفوا له على سند، ولم يوفقوا أقره
الشيخ الزكريا الأنصاري ان معنى هذا الحديث مستنكر عند المحققين من العلماء فقال ابن حزم

بعد ان اشار انه ليس بحديث " هذا من أفسد قول يكون : لأنه لو كان الإختلاف رحمة لكان الإِتفاق سخطا وهذا مالا يقوله مسلم.

Maksudnya: Perselisihan antara umatku adalah rahmat. al-Albani (2000) mengatakan bahawa hadith ini tiada sumber asalnya setelah diteliti secara sanad Syaikh Zakariyya al-Ansari berkata: Makna hadith ini pelik menurut ulama hadith. Ibn Hazam pula mengatakan bahawa ini bukan hadith. al-Albani (2000) berkomentar bahawa ini merupakan ucapan yang merosak dan membawa bencana, sekiranya perselisihan itu merupakan rahmat sudah tentulah kesepakatan itu merupakan celaan dan kutukan dan ini bukan perkataan seorang muslim.

3. Bertentangan dengan *Dalil Syar'i*, Realiti dan Akal Fikiran

al-Suyuti (2002) memetik daripada Ibn Jauzi yang mengatakan jika kamu melihat hadith yang berkenaan dengan akal, bertentangan dengan dalil naqli, berlawanan dengan prinsip agama, maka itu adalah hadith *mawdu'*. Apabila ada hadith yang bertentangan dengan dalil naqli (al-Qur'an dan Sunnah), dalil *ma'qul* (akal fikiran) serta merosak *usul* (prinsip-prinsip agama) dan tidak dapat ditemukan titik temunya antara hadith yang dikaji itu dengan hadith-hadith *sahih*, maka dapat disimpulkan bahawa hadith tersebut adalah *mawdu'*.

Beberapa contoh diambil daripada *kitab Silsilah* berdasarkan kriteria-kriteria seperti berikut:

a. Bertentangan dengan *Dalil Syar'i*

Ayat al-Qur'an

Contohnya sepertimana dijelaskan di bawah ini:

انما اصحابي كالنجوم فبأيهم اخذتم بقوله: اهتديتم. موضوع. ذكره ابن عبد البر معلقا، و عنه ابن حزم من طريق ابي شهاب الحنات عن حمرة الجزري عن نافع عن ابن عمر مرفوعا به. قال ابن حزم : فقد ظهر ان هذه الرواية لا تثبت اصلا بل لا شك انها مكذوبة لأن الله تعالى يقول في صفة النبي صلى الله عليه و سلم : وما ينطق عن الهوى ان هو الا وحي يوحى

Maksudnya: Para sahabatku umpama bintang, apa sahaja yang kalian ambil daripada mereka, maka itu adalah petunjuk. Hadith ini dihukum *mawdu'* oleh al-Albani. Ibn Abd al-Bar menyebutnya sebagai hadith *muallaq* daripada Ibn Hazm, daripada Abi Shihab daripada Hamarah al-Jazari daripada Nafi' daripada Ibn Umar secara *marfu'*. Ibn Hazam mengatakan bahawa riwayat ini tiada sumbernya bahkan ianya kedustaan kerana ianya bertentangan dengan firman Allah SWT: Bahawa Nabi SAW tidak bercakap sesuai dengan hawa nafsunya

melainkan apa yang diwahyukan padanya (Q.S : al-Najm (53): 3-4).

Penulis berpandangan bahawa sekiranya al-Albani menganggap kepalsuan hadith ini kerana bertentangan dengan surah al-Najm di atas, maka ianya kurang sesuai. Ayat di atas bukanlah bentuk penolakan dan *kehujjahan qaul sahabah* namun sebagai dalil atas kerasulan Nabi SAW.

Hadis Sahih

Contohnya sepertimana disebutkan di bawah ini:

المهدي من ولد العباس عمي، موضوع. غريب تفرد به محمد بن الوليد مولى بني هاشم بهذا الإسناد. قلت: متهم بالكذب ومما يدل على كذب هذا الحديث انه مخالف لقوله صلى الله عليه وسلم : المهدي من عترتي من ولد فاطمة (اخرجه ابو داود, ابن ماجه الحاكم وغيرهم من طريق زياد بن بيان عن علي بن نفييل عن سعيد بن المسيب عن ام سلمة مرفوعا).

Maksudnya: al-Mahdi merupakan anak kepada Abbas pak cikku. Hadith ini *mawdu'* kerana diriwayatkan oleh Muhammad bin al-Walid secara *gharib*. al-Albani mengatakan bahawa dia dituduh sebagai pendusta. Hadith ini juga bertentangan dengan hadith *sahih* yang diriwayatkan oleh Abu Daud, Ibn Majah, al-Hakim dan yang lain melalui Ziyad bin Bayan daripada Ali bin Nufail daripada Said bin Musayyab daripada Ummu Salamah dalam keadaan *marfu'*. Para perawi hadith ini *thiqah* dan disokong oleh *syawahid* (al-Albani, 2000).

Kriteria yang disebutkan oleh al-Albani ini juga dijadikan sebagai kriteria kepalsuan sesebuah hadith oleh ulama lain seperti Ibn Jauzi (1995), Ibn al-Qayyim (1988), al-Zahabi (1412), Ibn Kathir (1989), Ibn Hajar (1993), al-Suyuti (2002), Muhammad Ajjaj al-Khatib (1989) dan Mustafa al-Siba'i (1985).

b. Bertentangan dengan Realiti

Contohnya sepertimana disebutkan di bawah ini:

إذا ذلت العرب ذل الإسلام. موضوع، ولولا ان في معناه ما يدل على بطلانه لاقتصرناه على تضعيفه، ذلك لأن الإسلام لا يرتبط عزه بالعرب فقط، بل قد يعزه الله بغيرهم من المؤمنين : كما وقع ذلك زمن الدولة العثمانية ولا سيما في اوائل أمرها، فقد أعز الله بهم الإسلام حتى امتد سلطانه الى اوسط أوروبا، ثم لما أخذوا يحيدون عن الشريعة الى القوانين الأوروبية : يستبدلون الأدنى بالذي هو خير تقلص سلطانهم عن تلك البلاد وغيرها حتى لقد زال عن بلادهم ايضا.

Maksudnya: Apabila bangsa Arab menjadi hina maka hinalah agama Islam. Hadith ini dihukum *mawdu'* oleh al-Albani sama ada *sanad* dan *matannya*. Berdsarkan *matan* hadith, terlihat kemungkarannya disebabkan jayanya Islam tidak berkaitan dengan bangsa Arab sahaja namun juga dikaitkan dengan kaum muslimin daripada bangsa lain. Misalnya kekhalifahan Daulah Uthmaniyah, Allah SWT telah menjayakan Islam melalui kekuasaan yang meluas hingga ke Eropah. Namun, ketika mereka menghina hukum-hukum dan mengikut kepada hukum Eropah iaitu mengambil yang lebih rendah sebagai pengganti yang lebih baik, maka hancurlah Daulah Uthmaniyah (al-Albani, 2000: 302). Menurut al-Albani, kejayaan Islam disokong oleh penganutnya sama ada daripada Arab dan bukan Arab, begitu juga sebaliknya. Kriteria yang dijelaskan oleh al-Albani di atas dikuatkan oleh para ulama yang lain seperti Ibn Jauzi (1995), Ibn al-Qayyim (1988), al-Suyuti (2002), Subhi al-Salih (1988) dan Mustafa al-Siba'i (1985) yang menyatakan bahawa jika sesebuah isi kandungan hadith bertentangan dengan realiti maka ianya dinilai *mawdu'*.

c. Bertentangan dengan Akal

Contohnya sepertimana disebutkan di bawah ini:

من لم تنهه صلاته عن الفحشاء والمنكر، لم يزد من الله الا بعدا. باطل، وهو مع اشتهاره على الألسنة لا يصح من قبل إسناده ولا من جهة متنه. فانه لا يصح: لأن ظاهرة يشمل من صلى صلاة بشروطها وأركانها بحيث ان الشرع يحكم عليها بصحة، وان كان هذا المصلى لا يزال يرتكب بعض المعاصي، فكيف يكون بسببها لا يزداد بهذه الصلاة الا بعد؟ هذا مما لا يعقل ولا تشهد الشريعة

Maksudnya: Sesiapa yang solat namun solatnya tidak dapat mencegah perbuatan keji dan munkar, maka ia tidak menambah sedikitpun daripada Allah kecuali kejauhan. Ini batil, walaupun hadith ini masyhur dan menjadi perbincangan namun *sanad* dan *matannya* tidak *sahih* kerana secara zahirnya mencakupi sesiapa sahaja yang mendirikan solat dengan memenuhi rukun dan syaratnya. Padahal syarak tetap menghukumkannya sebagai sah, walaupun pelaku solat tersebut masih melakukan perbuatan maksiat. Oleh itu, tidak benar jika melakukan solat akan menjauhkan pelakunya daripada Allah SWT. Ini sesuatu yang tidak boleh diterima oleh akal dan tidak pula dibenarkan syariat (al-Albani, 2000). Kriteria yang disebutkan oleh al-Albani ini dijadikan kriteria kepalsuan sesebuah hadith oleh Ibn al-Jauzi (1995), Ibn Hajar (1993), al-Suyuti (2002), Subhi al-Salih (1988) dan Mustafa al-Siba'i (1985) yang mana mereka sepakat bahawa perkara yang bertentangan dengan akal fikiran akan menjadikan kualiti hadith tersebut sebagai *mawdu'*.

d. Berkaitan dengan Keutamaan Akal

Beliau menyatakan dalam *kitab Silsilah* bahawa perkara-perkara yang mengandungi keutamaan akal, maka tergolong kepada hadith *mawdu'*. Misalnya adalah pada contoh di bawah ini:

الدين هو عقل و من لا دين له لا عقل له, باطل, ومما يحسن التنبيه عليه ان كل ما ورد في فضل العقل من الأحاديث لا يصح منها شيء, وهو تدور بين الضعيف و الموضوع, و قال ابن القيم : أحاديث العقل كلها كذب.

Maksudnya: Agama adalah akal, sesiapa yang tidak memiliki agama maka tiada akal baginya. Hadith ini adalah *batil*, al-Albani (2000) mengulas bahawa hadith-hadith yang berkaitan dengan keutamaan akal majoriti kualitasnya *da'if* bahkan *mawdu'* seperti yang dikutip daripada Ibn al-Qayyim (1988) dalam *al-Manar al-Munif* bahawa hadith yang berkaitan dengan akal semuanya dusta dan *mawdu'*. Imam Ibn al-Qayyim (1988) menyatakan bahawa salah satu kriteria hadith *mawdu'* adalah perkara yang berkaitan dengan keutamaan akal fikiran.

4. Mengandungi Kekejian, *Isra'iliyyat* dan *Bid'ah*

a. Mengandungi Kekejian

Dalam *kitab Silsilah* dapat dilihat contohnya seperti berikut:

حسنت الأبرار سيأت المقربين. باطل لا اصل له, وقد اورده الغزالي في الإحياء بلفظ : قال القائل الصادق : حسنت الأبرارقلت : إن معنى هذا القول غير صحيح عندي, لأن الحسنه لا يمكن ان تصير سيئة ابدًا, مهما كانت منزلة من أتى بها و انما تختلف الأعمال باختلاف مرتبة الأتئين بما اذا كانت من الأمور الجائزة التي لا توصف بحسن او قبح.

Maksudnya: Orang yang banyak berbakti, maka kebajikannya sama dengan kejelekan para *muqarrabin*. Hadith ini *batil* dan tiada sumber asalnya. Imam al-Ghazali telah meriwayatkan dalam *Ihya* dengan lafaz yang sama. al-Albani (2000) mengatakan makna hadith tersebut tidak benar kerana kebaikan tidak akan berubah menjadi kekejian walau sesiapa pun yang melakukannya. Hanya suatu amalan akan berbeza hasil dan bentuknya jika dilakukan oleh orang yang berbeza. Kriteria yang ditemui oleh al-Albani ini juga dinyatakan oleh Ibn al-Qayyim (1988) dalam kitabnya yang mana beliau lebih mengutamakan kritik *matan* berbanding *sanad*.

b. Mengandung *Isra'iliyyat* dan *Bid'ah*

Contohnya adalah sepertimana di bawah:

الشام كنانتي فمن ارادها بسوء رميته بسهم منها, لا اصل له في المرفوع. ولعله من الإسرائيليات, فقد اخرج الحافظ ابو الحسن الربيعي في فضائل الشام عن عون بن عبد الله بن عتبة قال : قرأت فيما أنزل الله عز وجل على بعض الأنبياء أن الله تعالى يقول : الشام كنانتي فاذا غضبت على قوم رميته منها بسهم.

Maksudnya: Negeri Syam adalah tempat busur panahku, sesiapa sahaja yang berbuat jahat padanya, maka aku akan memanahnya dengan anak panah. Hadith ini tidak ada sumber asalnya dari mana-mana hadith *marfu'*. Boleh jadi ini adalah riwayat *isra'iliyyat*. Abu al-Hasan meriwayatkan dalam kitab *Fada'il al-Syam* daripada Aun bin Abd Allah bin Utbah, beliau berkata: Aku membaca apa yang Allah turunkan kepada para Nabi bahawa Allah SWT berfirman: Syam adalah tempat busur panahku, jika kamu marah kepadanya maka aku akan memanahnya dengan anak panah (al-Albani,2000).

Kriteria yang diungkapkan oleh al-Albani ini memang tidak digunakan oleh para ulama sebelumnya namun bukan bererti diabaikan begitu sahaja. Kriteria ini boleh dikategorikan pada perkara yang bertentangan dengan *dalil syar'i* dan juga realiti sejarah.

5. Tidak Terdapat dalam Kitab Hadith Induk

Maksudnya adalah hadith tersebut tidak dijumpai dalam mana-mana kitab hadith atau kitab-kitab lain. Jika ada hadith yang tidak dikenali oleh seorang hafiz besar yang hafalannya telah meliputi seluruh hadith atau sebahagian besar hadith tidak tertulis dalam kitab-kitab induk hadith, maka cukuplah hal itu sebagai bukti bahawa hadith tersebut *mawdu'*. Contohnya seperti yang dinyatakan oleh al-Albani dalam kitab beliau di bawah ini:

أفضل الناس من قل طعمه و ضحكه, ويرضى بما يستر به عورته. موضوع, لا اصل له. قال الحافظ العراقي في تخريج الإحياء و التاج السبكي في الطبقات الكبرى : لم اجد له اصلا.

Maksudnya: Manusia yang lebih afdal itu adalah sedikit makan dan ketawanya, dan dia reda dengan penutup aurat sekadarnya saja. Hadith ini *mawdu'* dan tiada sumber asalnya. Pendapat ini disokong oleh al-'Iraqi dan al-Subki. (al-Albani, 2000).

6. Melebihkan Pahala atau Seksa terhadap Amalan yang Ringan

Melebihkan pahala atau seksa terhadap amalan yang ringan dianggap kriteria hadis *mawdu'* oleh Imam al-Suyuti (2002) dan Mustafa al-Siba'i (1985). Kriteria ini juga dijadikan sebagai salah satu kriteria hadis *mawdu'* oleh al-Albani dalam kitab *Silsilah*. Contohnya adalah seperti berikut:

من قرأ قل هو الله احد مائة مرة غفرت له ذنوب مائتي سنة

Maksudnya: Sesiapa yang membaca *Qulhuwallahu Ahad* sebanyak 200 kali, maka diampunkan dosanya selama 200 tahun. Hadith ini bermasalah dari segi sanad dan matannya. Jika diperhatikan dari segi matan, maka jelas pahala yang banyak sedangkan amalan hanya sedikit (al-Albani, 2000).

KESIMPULAN

Karya Imam al-Albani yang bertajuk *Silsilah al-Ahadith al-Da'ifah wa al-Mawdu'ah* adalah karya agung yang menjadi sumber rujukan para pencinta ilmu hadith bahkan tidak terlepas daripada perbincangan para ulama tentangnya yang mengandungi hadith-hadith *da'if* dan *mawdu'* yang dihimpunkan daripada kitab-kitab lain serta disusun oleh al-Albani menjadi sebuah kitab yang besar. Dasar penilaian al-Albani terhadap hadith-hadith yang dihukumkannya adalah dengan menghimpun pendapat para ulama sebelumnya kemudian beliau simpulkan sehingga menetapkan kriteria tersendiri dalam menentukan kedudukan sesebuah hadith sama ada *da'if* atau *mawdu'*. Walaupun tidak jauh berbeza dengan ulama lain dari segi kriteria yang dibuat, namun dalam pengaplikasiannya terdapat sedikit perbezaan istilah yang digunakan oleh al-Albani walaupun tujuan maknanya adalah sama.

RUJUKAN

- al-'Abbasi, Muhamamd Id. (2002). *Fatawa al-Syaikh al-Albani wa Muqaranatuhu bi Fatawa al-Ulama*. Kairo: Maktabah al-Islami.
- Abid, Abu Bakar Abd al-Samad. (1971). *al-Wad'u wa al-Wadda'un fi al-Ahadith al-Nabawi*. Madinah: Dar al-Fadilah.
- Abu Ghuddah, Abd al-Fattah. (1984). *Muqaddimat al-Masnu'ah fi Ma'rifat al-Hadith al-Mawdu' li al-Harawi*. Kairo: Dar al-Salam.
- al-Albani, Muhammad Nashiruddin. (2000). *Silsilah al-Ahadith al-Da'ifah wa al-Mawdu'ah wa Atharuhu fi al-Sayyi' al-Ummah*. Riyad : Maktabah al-Ma'arif.
- al-Albani, Muhammad Nashiruddin. (2002). *al-Ahadith Hujjatun bi Nafsihi fi al-Aqaid wa al-Ahkam*, terj. Muhammad Id Abbasi. Jakarta: Pustaka Azzam.
- Ali Mustafa Ya'qub. (2003). *Hadis-Hadis Palsu Seputar Ramadhan*. Jakarta: Pustaka Firdaus.
- Ali Mustafa Ya'qub. (2004). *Kritik Hadis*. Jakarta: Pustaka Firdaus.
- Andri Nirwana. (2016). *Dasar-Dasar Ulum al-Quran dan Ulum al-Hadith*. Banda Aceh: Searfiqh.
- al-Asqalani, Ibn Hajar. (1984). *Tahdhib al-Tahdib*. Beyrut: Dar al-Fikir.

- al-Asqalani, Ibn Hajar. (1993). *Syarah al-Nukbah al-Nazar fi Taudih Nukhbat al-Fikr fi Mustalah Ahli Athar*. Damsyik: Maktabah al-Sabah.
- al-Azami, Muhammad Mustafa. (1992). *Studies in Hadith Literaruter*, Terj: Ahmad Yamin. Bandung: Pustaka Hidayah.
- Faizuri Abd Latif & Ahmad Faisal, *Tradisi Penulisan Hadith dalam Karya Ulama'Melayu: Kajian Terhadap Kitab 'Aqidah al-Najin*, (Jurnal Usuluddin, 30, 2009), 91-110.
- al-Fallatah, Umar Ibn Hasan Uthman. 1981. *al-Wad'u fi al-Hadith*. Damsyik: Maktabah al-Ghazali.
- Fayyad, Muhammad Ali. (1991). *Manhaj al-Muhaddithin fi Dabt al-Sunnah*. Kairo: Maktabah al-Kulliyat al-Azhariyyah al-Ilmiyyah.
- al-Gharib, Abd al-Basit bin Yusuf. (2000). *Koreksi Ulang Syaikh al-Albani*, Terj : Abd al Munawwar. Jakarta : Pustala Firdaus.
- Hasyim, Umar. (T.th). *al-Sunnah al-Nabawiyah wa Ulumuhu*. Kairo: Maktabah Gharib.
- Ibn al-Qayyim, Syamsuddin Muhammad bin Abu Bakar. (1988). *al-Manar al-Munif*. Beyrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibn Jamaah, Badruddin bin Ibrahim. (1990). *al-Minhal al-Rawi fi Mukhtasar Ulum al-Hadith al-Nabawi*. Beyrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibn Jauzi, Abd al-Rahman bin Ali. (1995). *Kitab al-Mawdu'at*. Beyrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibn Kathir, Imaduddin Isma'il bin Umar. (1989). *Ikhtisar Ulum al-Hadith*. Beyrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibn Rayyat, Mahmud. (T.th). *Adwa ala al-Sunat al-Muhammadiyah*. Beyrut: Mu'assasah al-A'lam.
- Ibn Salah, Uthman bin Abd al-Rahman. (1989). *Muqaddimah Ibn Salah*. Beyrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- al-'Iraqi, Abd al-Rahim bin Husein. (1993). *al-Taqyid wa al-Idlah Syarah Ulum al-Hadith Muqaddimah Ibn Salah*. Makkah: Maktabah: al-Tijariyyah.
- al-'Itr, Nur al-Din. (1979). *Manhaj al-Naqd Fi 'Ulum al-Hadith*. Damaskus: Dar al-Fikr.
- al-'Itr, Nur al-Din. (1994). *Manhaj al-Naqdi Fi Ulum al-Hadith*, Terj: Mujiyo dengan judul Ulum al-Hadist. Bandung: Remaja Rosdakarya.
- al-Khatib, Muhammad Ajjaj. (1989). *Usul al-Hadith Ulumuhu wa Mustalahuhu*. Beyrut: Dar al-Fikr.
- Mubarak bin Mahfud Bamualim. (2002). *Biografi Syaikh al-Albani: Mujaddid dan Ahli Hadis Abad Ini*. Bogor: Pustaka Imam Syafi'i.
- Muhammad Khudori. (2017). *Kritik Terhadap Pemikiran al-Albani Tentang Kehujjahan Hadith Da'if*, Jurnal Kalam, 11 (2) : 423-454.
- Mukhlis Mukhtar. (2017). *Hadis Maudhu dan Permasalahannya*, as-Shahabah Jurnal Pendidikan dan Study Islam, 3 (1): 77-87.
- Muna, A. C, *Penulisan Kitab al-Sabat Dalam Kajian Hadis di Nusantara*, Dipresentasikan pada 1st ASILHA International Conference: Hadith Studies and Its Contribution for Indonesia and Muslim World di UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta 26 Oktober 2016.
- Muslim, Muslim bin Hujjaj al-Qusayri. (1924). *Sahih Muslim bi Syarah al-Nawawi*. Mesir: Matba'ah Misriyah.
- Muslim, Muslim bin Hujjaj al-Qusayri. (1955). *Sahih Muslim*. Ttp: 'Isa al-Babi al-Halabi wa

Syurakah.

- Mustafa Zahri. (1981). *Kunci Memahami Mustalah Hadis*. Surabaya: Bina Ilmu Surabaya.
- Rabiatul Aslamiah. (2016). Hadis Maudhu dan Akibatnya, *Jurnal al-Hiwar (Jurnal Ilmu dan Teknik Dakwah)*, 4 (7): 24-34.
- al-Rasikh, Abd al-Mannan. (2004). *Mu'jam al-Istilahat al-Ahadith al-Nabawiyah*. Pakistan: Dar Ibn Hazm.
- al-Sakhawi, Syamsuddin bin Abd al-Rahman. (1995). *Fath al-Mughith*. Kairo: Maktabah al-Sunnah.
- al-Salih, Subhi. (1988). *Ulum al-Hadith wa Mustalahuhu*. Beirut: Dar Ilmi li al-Malayin.
- al-San'ani, Muhammad bin Isma'il. (T.th). *Taudih al-Fakir li Ma'ani al-Anzar*. Beirut : Dar al-Fikr.
- al-Siba'i, Mustafa. (1985). *al-Sunnah wa Makanatuhu fi Tasyri' al-Islami*. Beirut : Maktabah al-Islami.
- Sitti Asiqah Usman Ali. (2019). *al-Ahadis al-Dhaifah wa al-Mawdu'ah Karya Nashir al-Din al-Albani*, *Jurnal al-Asas (Jurnal Ilmiah Ilmu Dasar Keislaman)*, 3 (2) : 42-56.
- al-Suyuti, Jalal al-Din Abd al-Rahman. (2002). *Tadrib al-Rawi fi Syarah Taqrib al-Nawawi*. Kairo: Dar al-Hadith.
- Syuhudi Ismail. (1992). *Metodologi Penelitian Hadis Nabi*. Jakarta : Bulan Bintang.
- al-Tahhan, Mahmud.(1996). *Usul al-Takhrij wa Dirasat al-Asanid*. Riyad: Maktabah al-Ma'arif li Nasyr wa al-Tawzi'.
- al-'Umari, Akram Diya'. (1994). *Buhuth Fi Tarikh al-Sunnah al-Musyarrifah*. Madinah: Maktabah al-Ulum wa al-Hikmah.
- Yahya, M. (2015). *Kriteria Pentajrihan Periwayat Hadis Syaikh Muhammad Nasiruddin al-Albani dalam kitab Silsilah al-Ahadis al-Daifah wa al-Maudu'ah wa Asaruha al-Sayyi'fi al-Ummah* (Doctoral dissertation, Universitas Islam Negeri Alauddin Makassar).
- al-Zahabi, Muhammad bin Ahmad bin Uthman. (1412). *al-Muqzah fi Ilmi Mustalah al-Hadith*. Beirut: Dar al-Basya'ir al-Islamiyyah.
- al-Zahabi, Muhammad bin Ahmad bin Uthman. (1413). *Siyar A'la al-Nubala*. Beirut : Mu'assasah al-Risalah.